



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 23 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SHOPEE CATAT HASIL JUALAN PERTANIAN, PERIKANAN BERNILAI RM250,000, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	JUALAN PST DI KEDAH SEPANJANG PKP CECAH RM18 JUTA, SINAR NEGERI PERAK/P.PINANG/KEDAH, SH -25	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AGROMAKAN RAIH JUALAN RM12 JUTA, NASIONAL, SH -7	
4.	AGROBANK SUMBANG PEK BERBUKA PUASA, LOKAL, HM -20	AGROBANK
5.	PROJEK LEMBAH MAKANAN AGRO FGV DIPERCEPATKAN, BISNES, BH -27	LAIN-LAIN
6.	TAK KISAH BERATUR 200 METER BELI KEPERLUAN AIDILFITRI, NASIONAL, BH -14	
7.	BANK UNTUK SISTEM SEKURITI MAKANAN, CETUSAN, SH -18	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Shopee catat hasil jualan pertanian, perikanan bernilai RM250,000		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	23 May 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,000

Shopee catat hasil jualan pertanian, perikanan bernilai RM250,000

DAPAT SAMBUTAN: Ronald Kiandee (tengah) mengadakan lawatan ke pusat operasi bagi kolaboratif antara Kementerian dengan Shopee untuk mendigitalisasi rantaian bekalan hasil segar dan makanan laut di Pusat Pengedaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (...)

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PERAK/ P.PINANG/ KEDAH	25

Jualan PST di Kedah sepanjang PKP cecah RM18 juta

SUNGAI PETANI - Nilai jualan di Pergerakan (PKP) mencecah sasaran enam Pasar Segar Terkawal (PST) di sebanyak RM18 juta. Kedah sepanjang Perintah Kawalan Pengarah Lembaga Pemasaran



Ammar (dua dari kiri) melawat gerai yang terlibat Jualan Khas Aidilfitri di Pusat Operasi Fama Sungai Petani semalam.

Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, Isa Hamzah berkata, berdasarkan rekod bermula 18 Mac hingga 18 Mei lalu, aktiviti PST dan outlet bawah pengendalian FAMA Kedah berjaya mencatatkan jualan sehingga RM17.49 juta.

Menurutnya, seramai 19 peniaga memperoleh manfaat diberi peluang menyertai PST membabitkan keahadiran 313,050 orang pengguna.

“Nilai jualan tertinggi ialah di PST Guar Chempedak mencecah RM3.6 juta manakala komoditi yang menyumbang nilai jualan tertinggi ialah hasil laut membabitkan nilai RM2.3 juta,” katanya ketika memantau Jualan Khas sempena Aidilfitri di Pusat Operasi Sungai Petani di sini semalam.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Ammar Shaikh Mahmood Naim.

Agromakanan raih jualan RM12 juta

Transaksi dalam tempoh sebulan menerusi platform e-dagang bagi pemasaran produk pertanian, perikanan

Oleh ZUBIR SULAIMAN

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melalui sektor Agromakanan berjaya meraih jualan sebanyak RM12 juta dalam tempoh lebih sebulan menerusi platform e-dagang bagi pemasaran produk pertanian dan perikanan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, inisiatif yang digerakkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan menggunakan platform Shopee itu merupakan satu gabungan bisnes baharu yang wujud disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan



Ronald (tengah) ketika mengadakan lawatan ke pusat operasi bagi kolaboratif antara MOA dengan Shopee untuk mengoptimalkan rangkaian bekalan hasil segar dan makanan laut di FAMA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kelmarin.

wabak coronavirus (Covid-19).

Menurutnya, permintaan melalui platform e-dagang Agrobazaar dan Nekomatbiz terhadap bahan-bahan makanan basah, segar serta kering dilihat meningkat ketika pelaksanaan PKP.

“Jadi, pihak kementerian menggalakan bentuk bisnes e-dagang ini sebagai satu penumpuan yang perlu diberikan oleh FAMA untuk membantu dan meningkatkan status ekonomi petani serta nelayan.

selepas ini FAMA akan memberi tumpuan untuk membuka pusat-pusat operasi e-dagang di seluruh negara berbanding hanya tertumpu di Lembah Klang sejak ia dilancarkan pada 1 April lalu.

Menurutnya, usaha itu akan memberi impak positif kepada hampir 1,500 petani, 100 usahawan FAMA dan 56,000 nelayan.

“Diharap ia menjadi satu trend baharu bagi pengguna untuk mendapatkan barangan makanan yang dikendalikan oleh FAMA, Nekmat dan beberapa lagi agensi pemasaran di bawah Kementerian ini bersama-sama Shopee serta platform digital yang lain.

“Saya ingin melihat inisiatif ini berkembang menjadi platform *business to business* (B2B), sekali gus memberi peluang kepada kumpulan petani dan nelayan untuk menjual produk mereka ke pasaran yang lebih besar,” katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, kementerinya sedang berbincang dengan beberapa syarikat yang berpengalaman mengendalikannya perniagaan e-dagang untuk membantu memasarkan produk hasil pertanian kumpulan sasaran secara pukal kepada pengedar mahupun pemborong.

“Kita juga mengharapkan kerjasama dengan Shopee akan dapat meningkatkan lagi produk-produk pertanian, sekali gus membantu nelayan, petani, pekebun dan penternak meningkatkan hasil jualan mereka,” katanya kepada pemberita selepas melawat pusat operasi pendigitalan dan pengagihan hasil pertanian serta perikanan di FAMA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, Ronald berkata,

TARIKH MEDIA RUANGAN MUKA SURAT

23/5/2020 HARIAN LOKAL 20
METRO

Agrobank sumbang pek berbuka puasa



PENGARANG Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit (tiga dari kiri) menerima pek berbuka puasa oleh Agrobank dari Ketua Seksyen Jabatan Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik Agrobank, Shahreem Rahim (dua dari kanan) di Balai Berita Bangsar, semalam

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2020	BERITA HARIAN	BISNES	27

Projek Lembah Makanan Agro FGV dipercepatkan

Pembangunan babit pelaburan RM100j perkasa sektor makanan nasional

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

FGV Holdings Bhd (FGV) dan anak syarikatnya, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan mempercepatkan rancangan membangunkan kawasan pertanian baharu yang dinamakan Lembah Makanan Agro FGV di Chuping, Perlis.

Pengumuman itu dibuat susulan pembatalan perjanjian jual dan beli (SPA) di antara anak syarikat MSM, iaitu MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) dan F&N Agrivalley Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Rimba Perkasa Sdn Bhd) pada 9 April lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan, berkata projek Lembah Makanan Agro FGV dijangka membawa perubahan kepada landskap industri pertanian di Perlis kerana menggunakan pendekatan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang menggabungkan teknologi dan mekanisme moden, pembangunan mapan serta aktiviti bernilai tambah.

Beliau berkata, keseluruhan pembangunan projek membabitkan pelaburan RM100 juta dalam masa dua tahun akan terus memperkasa sektor makanan nasional, di samping menjamin bekalan makanan mencukupi un-



Ladang dan kilang gula milik MSM Malaysia Holdings Bhd di Chuping, Perlis.

tuk negara.

Katanya, FGV serta beberapa anak syarikatnya berada pada tahap akhir perbincangan untuk membangunkan pelbagai kawasan penghasilan makanan di Chuping sebagai antara langkah komprehensif bagi meningkatkan sektor perladangan di Perlis serta memberikan manfaat kepada sektor pertanian negara.

"Pembangunan bersepadu bagi tanah seluar 4,400 hektar itu menyasarkan penanaman hasil alternatif berkualiti tinggi di dalam empat sektor makanan agro utama, termasuk ubi kayu bagi penghasilan kanji, nenas premium MD2, mangga harum manis dan pengeluaran makanan ternakan berasaskan produk sampingan kanji dan biomas ubi kayu," katanya dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan FGV dan MSM.

Haris Fadzilah berkata, FGV juga merancang untuk membina kilang dengan kapasiti 50,000 tan setahun bagi pengeluaran kanji ubi kayu dan maltodextrin.

Katanya, ubi kayu turut berpotensi dijadikan sebagai bahan untuk penghasilan produk berasaskan industri lain seperti bio-ethanol, bio-fuel, bio-plastic, asid amino, polyols, farmasetikal dan makanan ternakan.

"Pengeluaran makanan ternakan daripada produk sampingan kanji dan biomas itu mampu mencapai sehingga 22,000 tan setiap tahun.

"FGV akan tetap fokus terhadap pengeluaran produk makanan ternakan berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan penernak tenusu tempatan, termasuk FGV Dairy Farm Sdn Bhd yang mengeluarkan produk tenusu di bawah jenama Bright Cow," katanya.

Haris Fadzilah berkata, setiap satu ekar tanaman ubi kayu boleh mencecah pengeluaran sehingga 30 tan dan FGV bersedia untuk menawarkan jaminan pembelian balik yang mampu membantu petani untuk menambatkan aliran pendapatan mereka.

Dari sudut positif, beliau berkata, penubuhan industri berasaskan ubi kayu bakal mempelbagaikan prospek serta meningkatkan peluang pelaburan di Perlis susulan pembangunan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) yang diuruskan oleh Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NICA).

Katanya, pasaran ubi kayu global menyasarkan kadar pertumbuhan sekitar 3.2 peratus daripada 2019 hingga 2024 untuk mencapai nilai pasaran sebanyak AS\$4.5 bilion (RM19.5 bilion) pada akhir 2024.

"Pada masa kini, Malaysia mengimport 600,000 tan kanji ubi kayu dan Lembah Makanan Agro FGV dijangka menyumbang sebanyak lapan peratus daripada jumlah import kanji ubi kayu Malaysia," katanya.

Kumpulan FGV turut mensasarkan pelaksanaan inisiatif strategik itu sejajar dengan saranan kerajaan dalam memacu sektor ekonomi domestik dalam mengurangkan impak COVID-19.

Tak kisah beratur 200 meter beli keperluan Aidilfitri

Batu Gajah: Ratusan pengunjung sanggup beratur sejauh lebih 200 meter (m) demi mendapatkan barang keperluan di Pasar Awam Batu Gajah, di sini.

Barisan pengunjung sebelum ini pernah menjangkau satu kilometer dan pasar awam menjadi tumpuan utama pengunjung di sekitar Ipoh terutama menjelang perayaan Aidilfitri.

Rata-rata pengunjung memilih pasar awam itu berikutan barangan keperluan lengkap, selain berjaya menggalakan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tinjauan di lokasi mendapati pengunjung tetap mematuhi perjarakan sosial sejauh satu meter mengikut garisan ditanda dan setiap pengunjung diperiksa suhu sebelum memasuki pasar.

Pengunjung dari Tanjung Tuang, Saolah Abas, 50, berkata, dia sanggup datang dari jauh dan tidak kisah beratur panjang kerana pasar begitu berdisiplin mematuhi SOP.

"Kalau pergi pasar berdekatan rumah, barang tidak sebanyak di sini. Tambahan dekat raya, mak cik tidak kisah beratur panjang jangni banyak pilihan dan rasa selamat," katanya.

Pengunjung dari Pengkalan Baru, Fazidah Mohd Dawi, 50, turut mengakui memilih pasar itu kerana rana banyak pilihan dan kawalan SOP yang ketat.

"Setiap minggu, saya membeli barang keperluan di sini kerana barangan lengkap, murah dan paling penting kawalan SOP ketat



Orang ramai beratur panjang dan tetap mematuhi perjarakan sosial untuk membeli barang keperluan di Pasar Awam Batu Gajah, semalam. (Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

membuatkan kami tidak bimbang untuk berbelanja di sini," katanya.

Peniaga daging, Zainuddin Zaimal, 56, berkata permintaan pelanggan terhadap daging tetap tinggi menjelang Aidilfitri.

Peniaga ayam, Noor Fazidah Salleh, 54, berkata pihak Jabatan Kesihatan sentiasa memastikan kebersihan pasar setiap hari dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula memantau harga.

Sementara itu di Kuala Terengganu, tinjauan NSTP di Pasar Chabang Tiga di sini, mendapati orang ramai sibuk mem-

beli pelbagai persediaan hari raya, terutama daging dan santan, selain ikan, barangan runcit, mi serta laksa.

Sebilangan besar orang ramai mematuhi SOP seperti memakai pelitup muka, tetapi perjarakan sosial sukar dikawal meskipun dipantau pihak berkuasa tempatan, polis dan RELA.

Peniaga daging, Mohd Khairul Shafiq, 28, berkata walaupun kerajaan mengenakan pelbagai syarat dan SOP, kesesakan di kawasan pasar tetap sama seperti Aidilfitri sebelumnya," katanya.

Mohd Khairul berkata, setiap kali Aidilfitri, permintaan terhadap daging tinggi dan tidak me-

ramai merungut tidak tahu nak jual berapa sekilogram," katanya.

Peniaga sayur yang hanya dikenali sebagai Siti, 38, tidak menafikan rasa bimbang dijangkiti COVID-19 apabila berdepan pelanggan yang ramai dan sesak.

"Kita tidak tahu pengunjung-pasar ini sama ada bergejala atau tidak kerana mereka bebas masuk tanpa ada had jumlah kemasukan pelanggan dan ujian suhu seperti di pasar raya.

"Kadang-kadang memang rasa takut, tetapi terpaksa berdepan dengan pelanggan. Nak jaga perjarakan sosial macam mana kalau pengunjung bersesak," katanya.

Di Tumpat, Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata kementerianya memberi jaminan daging lembu sempena Aidilfitri mencukupi.

Che Abdullah berkata, bekalan daging tiada masalah walaupun ada negeri tidak membenarkan proses penyembelihan lembu dan kerbau dilakukan sendiri sebaliknya wajib dibuat di pusat penyembelihan diiktiraf.

"Insya-Allah, bekalan daging dapat menampung permintaan menjelang Aidilfitri ini. Setakat ini memang tiada masalah dan kita dimaklumkan ia (bekalan daging) mencukupi termasuk yang diimport dari negara jiran," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga memberi jaminan sama terhadap bekalan ayam walaupun sebelum ini menghadapi isu kenaikan harga namun dengan tindakan segera diambil pihak berwajib, masalah itu dianggap selesai.

Bank untuk sistem sekuriti makanan



PERSPEKTIF

DR RAIS HUSSIN

Krisis koronavirus mungkin menjadi titik perubahan kepada sekuriti makanan di Malaysia. Oleh kerana pandemik ini menyebabkan penutupan dan sekatan eksport, ia secara tidak langsung menampakkan kelemahan Malaysia untuk mengatasi kesulitan rantaian bekalan makanan, turun naik pasaran komoditi dan cabaran berkaitan pengedaran serta penghantaran bekalan makanan.

Dalam situasi seperti itu, negara-negara yang biasanya tidak bergantung kepada bantuan global harus memperkasakan para petani mereka untuk menanam lebih banyak tanaman.

Namun pada masa yang sama, mereka juga harus mempunyai simpanan yang cukup dan berkesan bagi memastikan hasil tanaman mereka dapat bertahan untuk tempoh masa yang lama.

Kombinasi infrastruktur dan teknologi yang canggih amat kritikal dalam membantu menormalkan turun

naik harga pasaran makanan tempatan daripada kekurangan bekalan, yang disebabkan oleh sekatan politik, ketidakcekapan pasaran, masalah alam sekitar, atau krisis kesihatan awam.

Teknologi penyimpanan makanan secara radikalnya akan meningkatkan tahap sekuriti, keselamatan dan kualiti makanan dengan mengurangkan kadar kerosakan bekalan makanan, membangunkan simpanan komoditi dan memastikan penyimpanan untuk jangka masa panjang yang optimum. Ini secara tidak langsung akan mengimbangi pengurangan bekalan secara mengejut.

Untuk beberapa dekad lagi, kita harus bersedia sedia menghadapi bencana alam, kedatangan penduduk yang tinggi, kemungkinan kemunculan pandemik baharu yang berulang - kesemuanya menekankan keperluan yang mendesak untuk membina sistem pertanian berdaya tahan.

Negara-negara yang secara proaktif mengintegrasikan kaedah baharu ke dalam rancangan pembangunan mereka akan lebih bersedia berhadapan dengan krisis terbaru kelak dan dengan asas yang kukuh untuk pertumbuhan lestari.

Negara-negara yang makmur dari segi ekohomi untuk beberapa dekad yang lepas memiliki beberapa ciri yang sama iaitu kepimpinan komited untuk

berdikari dan menjalankan pentadbiran dengan baik; menyokong perancangan jangka masa panjang merangkumi sektor awam terhadap pembangunan infrastruktur dan menggunakan teknologi terkini untuk menyokong dan memberi kecekapan kepada penggunaan ekosistem agrikonomi swasta.

Bantu

Pembangunan sektor pertanian menjadi lebih holistik apabila kita menilai keseluruhan rantaian pertanian.

Strategi yang berjaya adalah hasil gabungan; penyertaan pihak berkepentingan terutamanya mereka yang bertanggungjawab dan boleh dipercayai dan keperluan akses latihan dan pendidikan serta memenuhi input dan sumber termasuk kewangan dan pasaran.

Ini seterusnya dapat meningkatkan pendapatan petani dan meningkatkan kecekapan operasi pemprosesan dan pengilangan makanan.

Pengguna dapat menikmati kualiti makanan yang lebih baik daripada sumber makanan tempatan dan mendapat keuntungan daripada harga yang lebih rendah daripada rizab komoditi yang lebih mendalam.

Penggunaan teknologi penyimpanan makanan canggih untuk menyimpan bijirin dan kekacang dalam jumlah yang

besar (dan komoditi lain) ketika tahap pengeluaran tinggi dan harga di bawah tekanan, membolehkan pembelian tahunan semasa pada harga rendah.

Tindakan itu sama seperti membantu para petani dengan menstabilkan harga pasaran sambil membina jumlah komoditi untuk disimpan.

Komoditi ini dapat disimpan untuk bertahun-tahun dan diambil kira sebagai aset - dengan cara yang sama aset diterima oleh bank tradisional.

Matlamat akhir proses ini adalah untuk mewujudkan ekosistem yang boleh disimpan dalam bank yang akan menarik pelaburan daripada kerajaan, dana mahsul (*sovereign funds*), dana institusi dan pelabur swasta lain - semuanya disokong rizab fizikal komoditi yang boleh dika-takan mempunyai nilai asas praktikal berbanding mata wang fiat.

Semasa krisis ini atau krisis yang lain, negara harus mengambil kesempatan untuk meningkatkan ekosistem pertanian mereka dalam usaha memperbaiki kehidupan rakyatnya.

Sekarang adalah masa yang sesuai untuk Malaysia meningkatkan kecekapan agrikonomi dan kemudahan penyimpanan bekalan makanan.

** Dr Rais Hussin ialah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu dan Pengerusi Biro Strategi dan Dasar Parti*